



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PAMPASAN DAN FAEDAH**  
**KOD KURSUS : DSM3203**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2023**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 19 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

+

✓

•



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Faedah merujuk kepada \_\_\_\_\_.
  - A senarai pendapatan yang terdapat dalam Akta Pekerjaan 1955.
  - B bayaran yang ditawarkan kepada pekerja untuk meningkatkan prestasi.
  - C gaji yang diterima pekerja sebagai pulangan atas kerja yang dilaksanakan.
  - D pakej pampasan pekerja yang diberi disebabkan keahlian mereka dalam organisasi.

2.



**Rajah 1**

Berdasarkan **rajah 1**, apakah jenis teknik ekuiti yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia dalam menetapkan gaji?

- A Sistem mata.
- B Klasifikasi kerja.
- C Kekananan pekerja.
- D Kedudukan pekerjaan.

3. Farid dan Radzi merupakan pekerja di bahagian pengeluaran sos cili di Syarikat Kimbal. Berikut adalah kadar piawai insentif yang ditetapkan oleh syarikat Kimbal bagi pengeluaran sos cili pada tahun 2023.

Unit	Insentif
<500	RM0.50
501 - 800	RM0.80
>800	RM1.10

Berapakah jumlah insentif yang akan diterima oleh Farid dan Radzi jika masing-masing dapat menghasilkan sebanyak 642 unit dan 430 unit sos cili dalam tahun 2023.

	<u>Farid</u>	<u>Radzi</u>
<b>A</b>	RM215.00	RM513.60
<b>B</b>	RM321.00	RM344.00
<b>C</b>	RM513.60	RM215.00
<b>D</b>	RM728.60	RM728.60

4. Pilih pernyataan yang **betul** mengenai perbezaan di antara pelan insentif individu dan pelan insentif organisasi?

	Pelan Insentif Individu	Pelan Insentif Organisasi
<b>A</b>	Firdaus menerima bayaran insentif yang rendah.	Firdaus menerima bayaran insentif yang tinggi.
<b>B</b>	Khairul mendapat bayaran insentif berdasarkan setiap unit kerja yang dibuat.	Khairul mendapat bayaran insentif berdasarkan keseluruhan kerja yang dibuat.
<b>C</b>	Toyota memberi insentif kepada pekerja yang menunjukkan prestasi cemerlang.	Toyota memberi insentif kepada semua pekerja berdasarkan keuntungan syarikat.
<b>D</b>	Honda memberi insentif kepada pekerja bagi mengalakkan jualan dalam pasaran.	Honda memberi insentif kepada kumpulan pekerja tertentu bagi mengalakkan motivasi.

5. Aleesya telah berkhidmat selama empat tahun sebagai Setiausaha Pejabat di Syarikat Pensonic. Dalam bulan Februari dan Jun, Aleesya mengalami demam panas dan telah mendapat sijil sakit (MC) daripada doktor selama tiga dan dua hari. Berapakah baki kelayakan cuti sakit yang tinggal bagi tahun semasa?
- A** 9 hari.  
**B** 13 hari.  
**C** 17 hari.  
**D** 18 hari.

6. Syarikat Selia mendapati produktiviti pekerja buruh binaan mereka semakin menurun. Berdasarkan pemerhatian penyelia tapak pembinaan, kebanyakan pekerja tidak makan semasa waktu rehat kerana tidak mempunyai cukup wang untuk membeli makanan. Jika anda merupakan pihak Syarikat Selia, apakah tindakan anda untuk membantu pekerja?
- A Menggalakkan pekerja untuk membawa bekal makanan.
  - B Menyediakan bantuan pinjaman kewangan kepada pekerja.
  - C Mengeluarkan perbelanjaan untuk membeli makanan pekerja.
  - D Menawarkan elaun makan dalam pakej pampasan kepada pekerja.

7.




**Gambar 1**

**Gambar 1** menunjukkan kemenangan pasukan bola sepak Johor Darul Takzim dalam saingan Piala Malaysia 2022. Bagi meraikan kemenangan ini, Menteri Besar Johor telah mengumumkan cuti bagi rakyat negeri. Sebagai pekerja di Kementerian Pendidikan Negeri Johor, kenal pasti cuti yang diperolehi ketika itu.

- A Cuti umum.
- B Cuti tahunan.
- C Cuti umum tambahan.
- D Cuti tahunan tambahan.

8. Syarikat MyDessert ingin merekrut seorang penghantar makanan. Walau bagaimanapun, syarikat tersebut keliru untuk menentukan gaji secara bulanan atau mengikut kerja yang dilakukan. Anda diminta untuk membantu syarikat MyDessert menentukan kaedah pengurusan gaji yang sesuai.
- A *Time-Related System.*
  - B *Time-Resource System.*
  - C *Piece-Related System.*
  - D *Piece- Resource System.*
9. Nabil dan Azira merupakan rakan kongsi dalam perniagaan kedai emas. Mereka berbincang mengenai penetapan gaji dan insentif terhadap setiap jualan emas oleh pekerja. Manakah antara berikut merupakan objektif pengurusan gaji dalam perbincangan antara Nabil dan Azira.
- i. Menubuhkan sistem gaji yang sukar ditadbir.
  - ii. Menyediakan sistem gaji yang adil dan saksama.
  - iii. Menarik minat pekerja untuk bekerja dalam organisasi.
  - iv. Memotivasikan pekerja yang melaksanakan tugas dengan cemerlang.
- A i dan ii, iii
  - B i, iii dan iv
  - C ii, iii dan iv
  - D Semua di atas

10.



Gambar 2

Gambar 2 menunjukkan dua jenis pekerjaan yang berbeza. Pilih padanan yang benar berkaitan kelebihan sistem pengurusan gaji.

	X	Y
<b>A</b>	Memerlukan pengawasan yang kerap.	Memerlukan kos pengawasan tambahan.
<b>B</b>	Pekerja rasa terjamin dengan pendapatan.	Pekerja mendapat insentif yang tinggi.
<b>C</b>	Menggalakkan bekerja secara efisien.	Menggalakkan bekerja tanpa pengawasan yang ketat.
<b>D</b>	Sistem pengurusan gaji yang memberikan insentif tinggi.	Sistem pengurusan gaji yang mudah difahami dan ditadbir.

11.

Syarikat Daiso Sdn.Bhd Aeon Tebrau Shopping Centre, Johor Bahru <u>Januari 2023</u>			
Nama Pekerja	: Muhammad Naquib bin Mohd Nazri		
No. Kad Pengenalan	: 921028-01-2059		
Jabatan	: Pembantu Jualan		
	<b>RM</b>		<b>RM</b>
Gaji Asas	1650.00	KWSP	X
Elaun Perkhidmatan	100.00	PERKESO	9.25
Elaun Kenderaan	100.00	SIP	3.70

**Slip Gaji 1**

Tentukan jumlah kadar caruman X dalam slip gaji 1?

- A RM150.00
- B RM168.00
- C RM242.00
- D RM410.00

12.

Toyota Berhad Jalan Rugayah, 81700 Batu Pahat Johor <u>Ogos 2023</u>			
Nama Pekerja	: Lim Chong Wei		
No. Kad Pengenalan	: 970706-01-1235		
Jabatan	: Pembantu Jualan		
	<b>RM</b>		<b>RM</b>
Gaji Asas	1500.00	KWSP	227.00
Insentif	1010.00	PERKESO	44.65
		SIP	5.10
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>2510.00</b>		

**Slip Gaji 2**

Berdasarkan slip gaji 2, maklumat manakah yang terdapat kesilapan?

- A Jumlah pendapatan.
- B Kadar caruman SIP pekerja.
- C Kadar caruman KWSP pekerja.
- D Kadar caruman PERKESO pekerja.

13. Ena gembira dengan keputusannya berpindah ke organisasi baru. Ini kerana organisasi tersebut menyediakan kemudahan tempat kerja yang kondusif, dikelilingi dengan rakan sekerja yang positif dan ditawarkan gaji yang bersesuaian dengan tahap pendidikannya. Ena berhasrat untuk memberikan hasil kerja yang terbaik untuk organisasinya itu. Apakah yang mendorong Ena berbuat demikian?
- A Teori X dan teori Y.
  - B Faktor motivasi intrinsik.
  - C Teori keperluan Maslow.
  - D Faktor motivasi ekstrinsik.

14. 

Pekerja menyambut baik berita kenaikan gaji minimum kerana dapat menyuntik kestabilan ekonomi individu dan keluarga.
--

**Pernyataan 1**

Berdasarkan **pernyataan 1**, manakah antara berikut impak yang diperoleh selepas Perintah Gaji Minimum Malaysia dikuat kuasakan.

- i. Memberi pertumbuhan positif terhadap ekonomi negara.
- ii. Meningkatkan keupayaan berbelanja dan membeli.
- iii. Menyumbang kepada lebihan kewangan pekerja.
- iv. Meningkatkan agreget simpanan pekerja.

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D Semua di atas

15. Antara berikut yang manakah layak untuk menjadi ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja?
- i. Tukang jahit.
  - ii. Jurujual komputer.
  - iii. Penghantar makanan.
  - iv. Pemilik perniagaan tudung.
- A i dan ii  
B i, ii dan iii  
C ii, iii dan iv  
D Semua di atas

16. Amaun caruman KWSP secara automatik berada dalam Caruman Tanpa Maklumat Lengkap (CTML)

**Pernyataan 2**

Ramalkan kemungkinan berlakunya situasi tersebut?

- i. 12 digit nombor kad pengenalan tidak lengkap.
  - ii. Nombor ahli KWSP tidak lengkap.
  - iii. Kesalahan ejaan nama ahli.
  - iv. Tiada senarai manfaat ahli.
- A i,ii, dan iii  
B i,ii, dan iv  
C ii,iii, dan iv  
D Semua di atas

17. Pilih perbezaan yang **betul** antara caruman wajib dengan caruman sukarela.

	<b>Caruman Wajib</b>	<b>Caruman Sukarela</b>
<b>A</b>	Terdiri daripada caruman simpanan tambahan.	Terdiri daripada caruman i-saraan dan kasih suri keluarga Malaysia.
<b>B</b>	Pekerja berpenden layak membuat caruman.	Pekerja tidak berpenden sektor awam layak membuat caruman.
<b>C</b>	Caruman bulanan terdiri daripada syer majikan dan syer pekerja.	Caruman bulanan mengikut kemampuan ahli.
<b>D</b>	Antara bayaran yang dikenakan caruman ialah gaji, insentif dan komisen.	Antara bayaran yang dikenakan caruman ialah caj perkhidmatan dan ganjaran.

18. Misi Pertubuhan Keselamatan Sosial adalah \_\_\_\_\_
- A** menganalisis maklumat tahap kesihatan buruh di Malaysia.
- B** menawarkan khidmat kaunseling dan skim rawatan pekerja.
- C** meneraju keselamatan sosial yang unggul, komprehensif dan dinamik.
- D** memberi perlindungan keselamatan sosial yang komprehensif demi kesejahteraan sosial sepanjang hayat.

19.

**2 pekerja maut akibat jatuh pada ketinggian 27 meter**

JOHOR BAHRU: Hasil siasatan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Johor mendapati dua pekerja syarikat pembersihan bumbung Stadium Sultan Ibrahim yang maut tengah hari semalam, terjatuh pada ketinggian 27 meter.

Kejadian berlaku ketika kedua-dua mangsa yang juga lelaki warga tempatan berusia 34 dan 35 tahun, melakukan pembersihan di Stadium Sultan Ibrahim dilaporkan terjatuh dari atas bumbung kanvas ke atas pagar sebelum disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Berita Harian  
Oleh Mohamed Farid Noh - Jun 14, 2022 @ 11:28am  
farid\_noh@bh.com.my

**Petikan Akhbar 1**

Apakah skim perlindungan PERKESO yang boleh dituntut berdasarkan situasi di dalam **petikan akhbar 1**?

- A Skim pekerja domestik.
- B Skim pekerjaan sendiri.
- C Skim insurans pekerjaan
- D Skim bencana pekerjaan.

20. Sebagai permulaan skim ini diwajibkan ke atas sektor pengangkutan penumpang iaitu pemandu teksi , e-hailing dan pemandu bas. Antara sektor pekerjaan lain yang terlibat adalah seperti berikut :

i) Peniaga online	ii) Penjawat awam
iii) Penjaja	iv) Premis penginapan

Bedasarkan maklumat dan senarai sektor pekerjaan yang diberikan, manakah sektor yang tidak layak dilindungi dibawah skim ini.

- A i sahaja.
- B ii sahaja.
- C iii sahaja.
- D iv sahaja.

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Shahidan bekerja sebagai pemandu lori di Syarikat Tiong Num. Dia telah terlibat dalam kemalangan jalan raya semasa dalam perjalanan untuk menghantar barang kepada pembekal. Disebabkan itu, dia mengalami patah tangan dan memerlukan rawatan secara berterusan. Walau bagaimanapun, Shahidan mula merasa terbeban untuk melunaskan bayaran rawatannya. Andaikan anda dilantik sebagai Eksekutif Sumber Manusia di Syarikat Tiong Num, jelaskan faedah bukan berkanun yang sesuai ditawarkan oleh organisasi bagi melindungi pekerja seperti Shahidan.

(10 markah)

- b. Nabilah telah dipilih oleh panel organisasi sebagai penerima Anugerah Khidmat Cemerlang bagi tahun 2023. Cadangkan **tiga (3)** ganjaran kewangan yang boleh disediakan oleh organisasi kepada Nabilah untuk menghargai pencapaian beliau.

(10 markah)

## SOALAN 2

- a. Syarikat Design Creative telah merekrut seorang pereka grafik. Maklumat pekerja baru tersebut adalah seperti berikut :

<u>Maklumat Pekerja</u>	
Nama Penuh	: Farid bin Azmi
No. Kad Pengenalan	: 020102-14-6767
Jawatan	: Pereka Grafik
Alamat Syarikat	: No.32 Bangunan Bina Kreatif, Jalan Kebun Teh, 81230 Johor Bahru
Tarikh Laporan Diri	: 1/6/2023
Gaji Asas	: RM2200.00

Pada bulan Jun 2023, Farid telah melakukan kerja lebih masa sebanyak lima jam pada hari bekerja biasa. Dengan menggunakan maklumat yang diberikan, anda diminta membuat pengiraan jumlah gaji kasar, dan gaji bersih.

(10 markah)

- b. Sediakan slip gaji yang lengkap untuk diberikan kepada Farid dengan menggunakan maklumat pengiraan yang telah anda buat di **soalan 2 (a)**.

(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Tajudin berhasrat untuk mendaftar sebagai ahli KWSP setelah menjalankan perniagaan selama enam bulan. Walau bagaimanapun, Tajudin ingin mengetahui manfaat yang akan dia perolehi. Terangkan kepada Tajudin manfaat sebagai ahli KWSP.

(14 markah)

- b. Berikan faedah-faedah sistem insurans pekerjaan (SIP) yang boleh dituntut oleh pekerja sekiranya mereka hilang pekerjaan.

(6 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## LAMPIRAN KWSP

	AMAUN UPAH BAGI BULAN ITU		KADAR CARUMAN BAGI BULAN ITU			
	RM		RM	<i>Oleh Majikan</i> RM	<i>Oleh Pekerja</i> RM	<i>Jumlah Caruman</i> RM
Dari	1,760.01	hingga	1,780.00	232.00	161.00	393.00
Dari	1,780.01	hingga	1,800.00	234.00	162.00	396.00
Dari	1,800.01	hingga	1,820.00	237.00	164.00	401.00
Dari	1,820.01	hingga	1,840.00	240.00	166.00	406.00
Dari	1,840.01	hingga	1,860.00	242.00	168.00	410.00
Dari	1,860.01	hingga	1,880.00	245.00	170.00	415.00
Dari	1,880.01	hingga	1,900.00	247.00	171.00	418.00
Dari	1,900.01	hingga	1,920.00	250.00	173.00	423.00
Dari	1,920.01	hingga	1,940.00	253.00	175.00	428.00
Dari	1,940.01	hingga	1,960.00	255.00	177.00	432.00
Dari	1,960.01	hingga	1,980.00	258.00	179.00	437.00
Dari	1,980.01	hingga	2,000.00	260.00	180.00	440.00
Dari	2,000.01	hingga	2,020.00	263.00	182.00	445.00
Dari	2,020.01	hingga	2,040.00	266.00	184.00	450.00
Dari	2,040.01	hingga	2,060.00	268.00	186.00	454.00
Dari	2,060.01	hingga	2,080.00	271.00	188.00	459.00
Dari	2,080.01	hingga	2,100.00	273.00	189.00	462.00
Dari	2,100.01	hingga	2,120.00	276.00	191.00	467.00
Dari	2,120.01	hingga	2,140.00	279.00	193.00	472.00
Dari	2,140.01	hingga	2,160.00	281.00	195.00	476.00
Dari	2,160.01	hingga	2,180.00	284.00	197.00	481.00
Dari	2,180.01	hingga	2,200.00	286.00	198.00	484.00
Dari	2,200.01	hingga	2,220.00	289.00	200.00	489.00
Dari	2,220.01	hingga	2,240.00	292.00	202.00	494.00
Dari	2,240.01	hingga	2,260.00	294.00	204.00	498.00
Dari	2,260.01	hingga	2,280.00	297.00	206.00	503.00

## LAMPIRAN KWSP

	AMAUN UPAH BAGI BULAN ITU		KADAR CARUMAN BAGI BULAN ITU			
	RM		RM	<i>Oleh Majikan</i>	<i>Oleh Pekerja</i>	<i>Jumlah Caruman</i>
	RM		RM	RM	RM	RM
Dari	2,320.01	hingga	2,340.00	305.00	211.00	516.00
Dari	2,340.01	hingga	2,360.00	307.00	213.00	520.00
Dari	2,360.01	hingga	2,380.00	310.00	215.00	525.00
Dari	2,380.01	hingga	2,400.00	312.00	216.00	528.00
Dari	2,400.01	hingga	2,420.00	315.00	218.00	533.00
Dari	2,420.01	hingga	2,440.00	318.00	220.00	538.00
Dari	2,440.01	hingga	2,460.00	320.00	222.00	542.00
Dari	2,460.01	hingga	2,480.00	323.00	224.00	547.00
Dari	2,480.01	hingga	2,500.00	325.00	225.00	550.00
Dari	2,500.01	hingga	2,520.00	328.00	227.00	555.00
Dari	2,520.01	hingga	2,540.00	331.00	229.00	560.00
Dari	2,540.01	hingga	2,560.00	333.00	231.00	564.00
Dari	2,560.01	hingga	2,580.00	336.00	233.00	569.00
Dari	2,580.01	hingga	2,600.00	338.00	234.00	572.00
Dari	2,600.01	hingga	2,620.00	341.00	236.00	577.00
Dari	2,620.01	hingga	2,640.00	344.00	238.00	582.00
Dari	2,640.01	hingga	2,660.00	346.00	240.00	586.00
Dari	2,660.01	hingga	2,680.00	349.00	242.00	591.00
Dari	2,680.01	hingga	2,700.00	351.00	243.00	594.00
Dari	2,700.01	hingga	2,720.00	354.00	245.00	599.00
Dari	2,720.01	hingga	2,740.00	357.00	247.00	604.00
Dari	2,740.01	hingga	2,760.00	359.00	249.00	608.00
Dari	2,760.01	hingga	2,780.00	362.00	251.00	613.00
Dari	2,780.01	hingga	2,800.00	364.00	252.00	616.00
Dari	2,800.01	hingga	2,820.00	367.00	254.00	621.00
Dari	2,820.01	hingga	2,840.00	370.00	256.00	626.00

## LAMPIRAN PERKESO

No	Actual monthly wage of the month	First Category (Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme)		
		Employer's	Employee's	Total contribution
1	Wages up to RM30	40 cents	10 cents	50 cents
2	When wages exceed RM30 but not RM50	70 cents	20 cents	90 cents
3	When wages exceed RM50 but not RM70	RM1.10	30 cents	RM1.40
4	When wages exceed RM70 but not RM100	RM1.50	40 cents	RM1.90
5	When wages exceed RM100 but not RM140	RM2.10	60 cents	RM2.70
6	When wages exceed RM140 but not RM200	RM2.95	85 cents	RM3.80
7	When wages exceed RM200 but not RM300	RM4.35	RM1.25	RM5.60
8	When wages exceed RM300 but not RM400/td>	RM6.15	RM1.75	RM7.90
9	When wages exceed RM400 but not RM500	RM7.85	RM2.25	RM10.10
10	When wages exceed RM500 but not RM600	RM9.65	RM2.75	RM12.40
11	When wages exceed RM600 but not RM700	RM11.35	RM3.25	RM14.60
12	When wages exceed RM700 but not RM800	RM13.15	RM3.75	RM16.90
13	When wages exceed RM800 but not RM900	RM14.85	RM4.25	RM19.10
14	When wages exceed RM900 but not RM1,000	RM16.65	RM4.75	RM21.40
15	When wages exceed RM1,000 but not RM1,100	RM18.35	RM5.25	RM23.60
16	When wages exceed RM1,100 but not RM1,200	RM20.15	RM5.75	RM25.90
17	When wages exceed RM1,200 but not RM1,300	RM21.85	RM6.25	RM28.10
18	When wages exceed RM1,300 but not RM1,400	RM23.65	RM6.75	RM30.40
19	When wages exceed RM1,400 but not RM1,500	RM25.35	RM7.25	RM32.60
20	When wages exceed RM1,500 but not RM1,600	RM27.15	RM7.75	RM34.90
21	When wages exceed RM1,600 but not RM1,700	RM28.85	RM8.25	RM37.10
22	When wages exceed RM1,700 but not RM1,800	RM30.65	RM8.75	RM39.40
23	When wages exceed RM1,800 but not RM1,900	RM32.35	RM9.25	RM41.60
24	When wages exceed RM1,900 but not RM2,000	RM34.15	RM9.75	RM43.90
25	When wages exceed RM2,000 but not RM2,100	RM35.85	RM10.25	RM46.10
26	When wages exceed RM2,100 but not RM2,200	RM37.65	RM10.75	RM48.40
27	When wages exceed RM2,200 but not RM2,300	RM39.35	RM11.25	RM50.60
28	When wages exceed RM2,300 but not RM2,400	RM41.15	RM11.75	RM52.90
29	When wages exceed RM2,400 but not RM2,500	RM42.85	RM12.25	RM55.10
30	When wages exceed RM2,500 but not RM2,600	RM44.65	RM12.75	RM57.40
31	When wages exceed RM2,600 but not RM2,700	RM46.35	RM13.25	RM59.60

## LAMPIRAN SIP

## Rate of Contribution Employment Insurance System (Act 800)

No.	Monthly Wages	Employer's Contribution	Employee's Contribution	Total
1	Wages up to RM30	5 sen	5 sen	10 sen
2	When wages exceed RM30 but not exceed RM50	10 sen	10 sen	20 sen
3	When wages exceed RM50 but not exceed RM70	15 sen	15 sen	30 sen
4	When wages exceed RM70 but not exceed RM100	20 sen	20 sen	40 sen
5	When wages exceed RM100 but not exceed RM140	25 sen	25 sen	50 sen
6	When wages exceed RM140 but not exceed RM200	35 sen	35 sen	70 sen
7	When wages exceed RM200 but not exceed RM300	50 sen	50 sen	RM1.00
8	When wages exceed RM300 but not exceed RM400	70 sen	70 sen	RM1.40
9	When wages exceed RM400 but not exceed RM500	90 sen	90 sen	RM1.80
10	When wages exceed RM500 but not exceed RM600	RM1.10	RM1.10	RM2.20
11	When wages exceed RM600 but not exceed RM700	RM1.30	RM1.30	RM2.60
12	When wages exceed RM700 but not exceed RM800	RM1.50	RM1.50	RM3.00
13	When wages exceed RM800 but not exceed RM900	RM1.70	RM1.70	RM3.40
14	When wages exceed RM900 but not exceed RM1,000	RM1.90	RM1.90	RM3.80
15	When wages exceed RM1,000 but not exceed RM1,100	RM2.10	RM2.10	RM4.20
16	When wages exceed RM1,100 but not exceed RM1,200	RM2.30	RM2.30	RM4.60
17	When wages exceed RM1,200 but not exceed RM1,300	RM2.50	RM2.50	RM5.00
18	When wages exceed RM1,300 but not exceed RM1,400	RM2.70	RM2.70	RM5.40
19	When wages exceed RM1,400 but not exceed RM1,500	RM2.90	RM2.90	RM5.80
20	When wages exceed RM1,500 but not exceed RM1,600	RM3.10	RM3.10	RM6.20
21	When wages exceed RM1,600 but not exceed RM1,700	RM3.30	RM3.30	RM6.60
22	When wages exceed RM1,700 but not exceed RM1,800	RM3.50	RM3.50	RM7.00
23	When wages exceed RM1,800 but not exceed RM1,900	RM3.70	RM3.70	RM7.40
24	When wages exceed RM1,900 but not exceed RM2,000	RM3.90	RM3.90	RM7.80
25	When wages exceed RM2,000 but not exceed RM2,100	RM4.10	RM4.10	RM8.20
26	When wages exceed RM2,100 but not exceed RM2,200	RM4.30	RM4.30	RM8.60
27	When wages exceed RM2,200 but not exceed RM2,300	RM4.50	RM4.50	RM9.00
28	When wages exceed RM2,300 but not exceed RM2,400	RM4.70	RM4.70	RM9.40
29	When wages exceed RM2,400 but not exceed RM2,500	RM4.90	RM4.90	RM9.80
30	When wages exceed RM2,500 but not exceed RM2,600	RM5.10	RM5.10	RM10.20
31	When wages exceed RM2,600 but not exceed RM2,700	RM5.30	RM5.30	RM10.60
32	When wages exceed RM2,700 but not exceed RM2,800	RM5.50	RM5.50	RM11.00
33	When wages exceed RM2,800 but not exceed RM2,900	RM5.70	RM5.70	RM11.40
34	When wages exceed RM2,900 but not exceed RM3,000	RM5.90	RM5.90	RM11.80
35	When wages exceed RM3,000 but not exceed RM3,100	RM6.10	RM6.10	RM12.20
36	When wages exceed RM3,100 but not exceed RM3,200	RM6.30	RM6.30	RM12.60
37	When wages exceed RM3,200 but not exceed RM3,300	RM6.50	RM6.50	RM13.00
38	When wages exceed RM3,300 but not exceed RM3,400	RM6.70	RM6.70	RM13.40
39	When wages exceed RM3,400 but not exceed RM3,500	RM6.90	RM6.90	RM13.80



